

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JUNE 2016

# Keputusan Britain keluar EU tidak beri kesan kepada ekonomi Malaysia – PM

um - 25/6/2016

**Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 24 Jun** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan rakyat Britain untuk keluar dari Kesatuan Eropah tidak akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, dengan asas yang kukuh serta struktur ekonomi yang pelbagai dan lebih mudah tunai dalam pasaran kewangan, Malaysia mempunyai kedudukan yang baik untuk menghadapi sebarang ketidakpastian.

“Saya yakin kita akan dapat mengharungi tempoh yang tidak menentu ini. Kerajaan juga akan terus mengukuhkan ekonomi dan melanjutkan pembaharuan fiskal kami.

“Kami menganggap Britain sebagai rakan penting dalam semua

bidang termasuk perdagangan, pelaburan, pertahanan, pendidikan dan pelancongan. Sebagai contoh, perdagangan antara Malaysia telah berkembang dengan syarikat-syarikat Britain seperti Rolls Royce, Dyson dan BAE Systems meluaskan pasaran di Malaysia, dan syarikat Malaysia juga telah memacu pembangunan semula salah satu mercu tanda utama London, Stesen Janakuasa Battersea.

“Bagaimanapun, tahap kebergantungan ekonomi negara terhadap Britain adalah terhad disebabkan negara tersebut bukan dalam kalangan 10 rakan dagangan utama Malaysia dan hanya menyumbang satu peratus daripada jumlah perdagangan. Jadi, kita perlu meningkatkannya dan mungkin ada peluang melakukannya sekarang jika Britain mendekati negara-negara strategik di luar EU,” katanya dalam

satu kenyataan di sini hari ini.

Berdasarkan keputusan pungutan suara hari ini, dari 382 buah pusat penjumlahan undi, sebanyak 51.9 peratus atau 17.4 juta orang penduduk mengundi untuk Britain keluar daripada EU manakala 48.1 peratus atau 16.1 orang juta lagi memilih kekal dalam blok kesatuan tersebut.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin hubungan baik Malaysia dan Britain akan terus kekal dan diperkukuhkan,

“Negara kita terikat dengan hubungan sejarah, persahabatan dan perdagangan, malah rakyat kita berjuang bersama antara satu sama lain dalam Perang Dunia Kedua dan semasa pemberontakan di Tanah Melayu. Kami adalah sekutu dalam usaha memerangi keganasan dan kita mesti terus bersatu dalam usaha jangka

panjang,” jelasnya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menghormati keputusan Perdana Menteri Britain, David Cameron untuk meletakkan jawatan.

“Saya mempunyai hubungan kerja yang baik dengan beliau. Saya sedih melihat beliau meletak jawatan namun saya menghormati sebab peletakan jawatan beliau dan saya bersedia untuk bekerjasama dengan penggantinya,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, pilihan rakyat Britain untuk keluar dari EU harus dihormati oleh semua pihak.

“Rakyat Britain telah memilih. Sebagai demokrat, kita mesti menghormati keputusan tersebut. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada rakan kita di Britain dalam menempuh masa depan baharu yang mereka pilih,” katanya.